

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 19. (Oktober, 2006M/Ramadan, 1427H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

Barisan Jawatankuasa/Kepimpinan Surau Al-Ulum KD9 mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa sepanjang Ramadan Al-Mubaraq ini semoga kita semua sentiasa dalam keberkatan serta rahmat Illahi. Dikesempatan ini kami juga dengan rendah diri memohon keampunan kehadiran Illahi dan memohon maaf kepada semua ahli kariah atas segala kekurangan dan keterlanjuran.

AHLAN WASAHLAN RAMADAN AL- MUBARAQ

Alhamdulillah kita sedang berada dibulan yang penuh rahmat yang sentiasa dinanti-nanti ketibaannya. Marilah kita bersyukur kehadiran Allah SWT yang masih memberikan kita peluang untuk hidup dan menikmati rahmat bulan Ramadan. Sebagai tanda kesyukuran, marilah kita menghayati falsafah puasa, iaitu membina taqwa, dengan mengaut seberapa banyak pahala, memperbanyakkan amal ibadat kita seperti amalan bersedekah, membaca Al-Quran atau bertadarus dan bersolat Tarawih serta solat-solat sunat yang lain.

Inilah masanya yang paling sesuai untuk kita menggandakan amal ibadat kita sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Tiap-tiap sesuatu itu ada musimnya. Sesungguhnya musim ibadah itu adalah dibulan Ramadan."* Inilah masanya iman dan takwa kita diuji, samada kita berjaya menundukkan seteru kita secara satu lawan satu. Ini kerana musuh yang paling utama, iaitu syaitan telah dirantai oleh Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Apabila masuk bulan Ramadan, maka terbukalah segala pintu Syurga dan terkuncilah segala pintu Neraka dan dirantaikan segala syaitan. Dan berserulah seorang penyeru: Wahai orang yang ingin membuat kebajikan, marilah kamu; wahai orang yang ingin membuat kejahatan, hentikanlah kamu dari kejahatan itu."*

Marilah kita renungkan, apakah lagi alasan kita untuk tidak melaksanakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala laranganNya. Kini tidaklah boleh kita menyalahkan syaitan sekiranya kita masih culas menjunjung suruhan Allah SWT dan RasulNya SAW. Sekiranya kita masih terus-menerus terjerumus dalam perkara-perkara maksiat, kita tidak dapat lari selain dari menyalahkan diri kita sendiri yang tidak atau kurang berusaha mendidik hawa nafsu.


Sebagai panduan supaya kita berjaya mendidik dan mentarbiahkan jiwa dan nafsu kita sempena bulan Ramadan ini, marilah kita meneliti beberapa tips berikut:

- Redha dalam melaksanakan ibadat puasa sebagai perintah Allah SWT, tanpa ada unsur terpaksa. Bahkan, sebaik-baiknya ialah kita patut merasa senang hati dan seronok untuk menyempurnakan Rukun Islam yang Ketiga ini.
- Melaksanakan ibadat puasa secara sedar dan dalam keadaan mengetahui segala syarat-syarat sah puasa, rukun-rukun puasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, perbuatan-perbuatan yang makruh dan harus semasa berpuasa, dan amalan-amalan yang digalakkan semasa berpuasa.
- Memperbanyakkan doa', antaranya semoga Allah SWT mentaufiqkan kita supaya dapatlah kita menunaikan puasa dengan hati yang jujur dan ikhlas, serta terjauh dari sifat-sifat riak, ujub, sum'ah dan segala rupa penyakit yang boleh menghilangkan pahala puasa.
- Memperbanyakkan bacaan Al Quran, disamping cuba memahami segala maksudnya serta cuba mengamalkan segala isi kandungan Al Quran. Secara tidak langsung ini dapat mengurangkan atau meninggalkan amalan-amalan yang 'lagho,' umpamanya bacaan-bacaan majallah hiburan, menonton TV dan sebagainya.
- Memperbanyakkan ibadat sunat seperti solat Duha, Isyrah', Tarawih, Witir, Tahajjud, Hajat, Tasbih dan lain-lainnya.
- Memperbanyakkan sedekah, umpamanya dengan memberi sumbangan kepada majlis terbuka puasa dan moreh, menderma untuk pembinaan surau/masjid/sekolah agama, membantu golongan-golongan susah dan lain-lain amalan seumpamanya.
- Berbuka puasa secara sederhana dan tidak terlalu mengikut telunjuk hawa nafsu. Apatah lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi yang sedang melanda, amatlah wajar kita mengelakkan sebarang bentuk pembaziran. Siapakah yang patut kita salahkan sekiranya kita tidak terdaya melaksanakan solat Isyak berjemaah, solat Tarawih dan tadarus Al Quran lantaran 'kekenyangan.'

h. Memperbanyakkan segala amalan dan ibadat sunat dari semasa kesemasa, dengan target supaya ibadat hari ini lebih baik dari semalam dan pahala ibadat esok lebih banyak dari ibadat hari ini. Semoga dengan prinsip tersebut, dapatlah kita mengecap 'Lailatul Qadar' dalam keadaan sempurna dan bukan setakat ala kadar.

i. Bersederhana dalam membuat persiapan Hari Raya. Hari Raya yang sepatutnya kita raikan sebagai hari kemenangan mengatasi hawa nafsu dan meningkatkan taqwa, tidak sepatutnya kita cemarkan dengan segala bentuk amalan yang menyamai kegembiraan syaitan yang dibuka rantainya setelah tamatnya Ramadan kelak.

Semoga pertemuan yang amat dinanti ini memberi makna yang mendalam sebelum ianya meninggalkan kita. Di pertemuan Ramadan yang akan datang belum pasti kita dapat bersamanya lagi. Wallahu alam.



Zakat Fitrah jangan lupa.....

Zakat Fitrah adalah zakat badan wajib dikeluarkan oleh orang Islam serta ahli-ahli tanggungannya. Hikmahnya ialah untuk menyucikan diri dari berbagai kata-kata dan perbuatan keji ketika mengerjakan ibadat puasa Ramadan. Dengan membayar Zakat Fitrah maka puasa Ramadan anda benar-benar bersih dan sempurna.

Waktu wajib dikeluarkan Zakat Fitrah ini ialah mulai terbenam matahari akhir bulan Ramadan (malam 1 Syawwal) sehingga sebelum solat sunat Hari Raya 'Aidil-Fitri. Bagaimana pun untuk kemudahan semua pihak, ianya boleh (harus) ditunaikan mulai awal Ramadan lagi.

Orang yang mati setelah terbenam matahari akhir Ramadan, wajib ditunaikan Zakat Fitrahnya kerana ia masih hidup dalam bulan Ramadan dan satu suku Syawwal. Tetapi jika ia mati sebelum terbenam matahari akhir

TINGKATKAN AMALAN DI BULAN RAMADHAN

Amalan baik yang dilakukan dalam bulan Ramadhan akan dilipat-gandakan pahalanya oleh Allah SWT khususnya ibadah puasa yang mana pahala orang yang berpuasa pada bulan ini dapat membakar dosa-dosanya yang telah lalu. Oleh itu amatlah wajar kita mengambil kesempatan dibulan yang mulia ini untuk meningkatkan amal ibadah kita sebagaimana yang telah ditentukan.

1. Kewajipan Berpuasa

Sesungguhnya bulan Ramadhan adalah bulan yang setiap tahun dinantikan ketibaannya oleh setiap umat Islam, kerana ia bulan yang mulia dan memberikan banyak manfaat, fadhilat dan masa depan yang cerah bagi mereka yang menghayatinya. Pada bulan Ramadhan inilah umat Islam diwajibkan berpuasa sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana yang diwajibkan atas orang yang sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertaqwa. (Maka yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadhan yang padanya diturunkan Al-Quran menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk) dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Justeru itu sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu." (Al-Baqarah: 183-185)

a. Ikan di laut memohonkan keampunan bagi orang yang berpuasa

Dalam sebuah hadith dijelaskan; apabila Allah mencintai seseorang, Dia berfirman kepada Jibril: "Aku mencintai orang itu maka kamu juga hendaklah mencintainya." Jibril pun mencintainya dan mengumurnkan kepada penghuni langit: "Orang itu dicintai Allah, kesemua kamu hendaklah mencintainya." Dengan itu kesemua penghuni langit mulalah mencintainya. Maka, kecintaan terhadap orang yang berpuasa tersebut akan tersebar ke bumi.

Biasanya mereka yang hampir kepadanya sahaja yang seolah-olah nampak mencintainya, tetapi di sini kecintaan itu tersebar ke semua arah; malahan sehingga binatang-binatang di hutan dan ikan-ikan di laut pun turut mencintainya. Kesemuanya akan berdoa bagi orang yang berpuasa."

b. Pintu-pintu syurga di buka

Rasulullah SAW bersabda: "Pada malam pertama bulan Ramadhan diikat semua syaitan dan jin dan ditutup semua pintu-pintu neraka dan tidak dibuka satu pintu pun darinya. Dan dibukakan pintu-pintu syurga dan tidak ditutup satu pun darinya. Maka berserulah penyeru: Wahai orang yang melakukan kebaikan hampirlah kamu, wahai orang yang melakukan kejahatan mundurlah kamu. Dan sesungguhnya Allah mempunyai ahli neraka yang dibebaskan dan yang dernikian itu bertaku pada setiap malam (Ramadhan). (HR. Tirmizi dan Ibn Majah)

c. Akan mendapat keampunan

Dalam hadith yang lain pula diterangkan, bahawa siapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan sungguh-sungguh beriman dan ikhlas kerana Allah, nescaya diampuni Allah dosa-dosanya yang telah lalu. (HR. Ahmad).

2. Mengerjakan solat Tarawih dan Keutamaannya

Ibadah yang paling besar pahalanya selain pahala puasa ialah menghayati setiap malamnya dengan solat sunat Tarawih. Menurut keterangan sebuah hadith Rasulullah SAW yang menerangkan tentang berbagai fadhilat dan faedah yang terdapat dalam mengerjakan solat Tarawih.

Di antara fadhilat dan faedahnya ialah diampuni dosa-dosa dirinya dan kedua ibu bapanya, diberi pahala seumpama pahala tawaf para malaikat di Baitul Makmur, bersih dari dosa seperti baru dilahirkan, dibinakan mahligai di syurga dinaikkan kedudukannya seribu darjat di akhirat dan berbagai lagi.

a. Pengertian solat Tarawih

Erti Tarawih ialah duduk bersenang-senang atau beristirehat. Solat Tarawih bererti solat dengan rasa senang dan kelapangan hati selepas solat fardhu Isyak. Biasanya duduk berehat setelah mengerjakan empat rakaat solat Tarawih, sebelum disambung semula.

b. Hukum melaksanakan solat Tarawih

Para ulama telah sepakat mengatakan bahawa hukum melakukan solat Tarawih ini adalah sunat muakad, yang boleh dilakukan seseorang diri, baik di rumah, surau mahu pun Masjid dan adalah lebih baik juga dikerjakan secara berjemaah.

c. Bilangan rakaat solat Tarawih

Dari beberapa keterangan dan riwayat mengatakan, bahawa bilangan rakaat solat Tarawih itu ada beberapa macam iaitu, 8 rakaat, 20 rakaat, 36 rakaat, bahkan ada juga yang mengerjakan 42 rakaat di luar Witir.

3. Mengerjakan Solat Sunat Witir

Jika anda berniat hendak bangun tengah malam, mengerjakan solat sunat Tahajjud, solat Hajat, solat Tasbih dan sebagainya, maka solat sunat Witir boleh ditangguhkan dan dilaksanakan terakhir sekali iaitu setelah selesai dikerjakan semua solat-solat tersebut.

Orang ramai yang mendirikan solat Tarawih berjemaah di masjid atau surau, biasanya akan terus mengerjakan solat sunat Witir tiga rakaat (dua salam) dengan cara berjemaah, sebaik sahaja selesai mengerjakan solat Tarawih.

bersambung di muka 4

Kelebihan Malam Sepuluh Terakhir Ramadan dan Lailatul Qadar



Antara kelebihan malam sepuluh terakhir Ramadan ialah:

1. Rasulullah s.a.w memperbanyakkan ibadah pada malam sepuluh terakhir melebihi daripada malam-malam sebelumnya. Aishah r.a berkata: Rasulullah s.a.w apabila masuk malam sepuluh terakhir Ramadan, baginda menghidupkan malam (dengan ibadah), mengejutkan keluarganya (bangun beribadah), bersungguh-sungguh (dalam ibadah) dan uzlah dari isteri-isterinya." – (Riwayat A-Bukhari dan Muslim)

2. Pada malam sepuluh terakhir terdapat satu malam yang dinamakan Lailatul Qadar (malam yang mempunyai berkat dan keistimewaan yang banyak). Pada malam inilah diturunkan Al-Quran sebagaimana firman Allah S.W.T yang maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al-Quran) pada malam Lailatul Qadar." – Surah Al-Qadar : 1.

3. Ibn Abbas berkata: Allah menurunkan Al-Quran sekaligus dari Al-Luh Al-Mahfuz ke Bait Al-Ezzah yang terletak di langit dunia. Kemudian ia diturunkan secara berperingkat-peringkat kepada Rasulullah s.a.w selama 23 tahun.

4. Lailatul Qadar disifatkan lebih baik dari seribu bulan, berdasarkan firman Allah S.W.T yang bermaksud: " Malam Lailatul Qadar lebih baik daripada seribu bulan." – Surah Al-Qadar : 3.

5. Malam Lailatul Qadar juga disifatkan sebagai malam berkat, sebagaimana firman Allah S.W.T yang maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) itu pada Malam yang berkat (Lailatul Qadar." – Surah Al-Dukhan : 3.

6. Pada malam ini juga turunnya para Malaikat dan malaikat turun bersama-sama turunnya berkat dan rahmat Allah yang dihaskan untuk malam ini.

7. Ditetapkan umur, rezeki dan ajal manusia sebagaimana firman Allah S.W.T yang maksudnya: "Kami telah menurunkan Al-Quran pada malam yang tersebut kerana pada malam yang berkat itu, dijelaskan (kepada Malaikat) tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmah serta tetap berlaku (tidak berubah atau bertukar)." – Surah Al-Dukhan : 4. Maksud 'urusan yang penuh hikmah' ialah pada malam tersebut Allah menentukan umur, rezeki dan ajal manusia."

8. Allah S.W.T mengampunkan hambaNya yang menghidupkan malam tersebut dengan penuh rasa keimanan dan pengharapan.

Bilakah Malam Lailatul Qadar?

Nabi s.a.w bersabda yang maksudnya: "Carilah Lailatul Qadar pada malam sepuluh terakhir Ramadan." – Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim. Rasulullah s.a.w bersabda lagi yang maksudnya: "Carilah Lailatul Qadar pada malam ganjil pada sepuluh malam terakhir."

Imam Nawawi berpendapat bahawa memandangkan hadith-hadith yang menceritakan tentang Lailatul Qadar berselisih pada waktunya, maka ini menunjukkan bahawa malam tersebut berpindah-pindah pada setiap tahun.

Oleh itu marilah kita sama-sama memanfaatkan malam sepuluh terakhir Ramadan dan menghidupkannya dengan ibadah dan doa. Dalam sebuah hadith riwayat At-Tarmizi, Ahmad dan Ibnu Majah bahawa Aisyah r.a bertanya Rasulullah s.a.w: "Wahai Rasulullah, sekiranya aku berada pada Lailatul Qadar, apa yang aku perlu buat? Baginda menjawab: Katakanlah : Allahuma Innaka Apwun karimun tuhihibbul afwa fa' fuanna."

Iktikaf pada malam sepuluh terakhir Ramadan dimana fadhilatnya lebih banyak dari hari-hari biasa. Maksud iktikaf di sini ialah mendampingi masjid untuk menta'ati Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w tidak pernah sekali pun meninggalkan iktikaf pada sepuluh malam terakhir Ramadan sehinggalah baginda wafat. Isteri-isteri baginda turut beriktikaf bersama-samanya ketika baginda hidup dan selepas baginda wafat.

Perkara sunat dilakukan semasa iktikaf seperti memperbanyakkan ibadat sunat seperti solat, membaca Al-Quran, tasbih, tahmid, takbir, istighfar, salawat dan doa. Begitu juga menghadiri majlis ilmu, mengulangkaji kitab hadith, tafsir, sirah nabi dan sebagainya. Wallahu alam.

Reaping the benefits of Ramadan

In the month of Ramadaan it is very important that we spent a few moments to understand some of the wisdoms and lessons that we can learn from this month of fasting.

Unfortunately, many Muslims come in to this month and they are as a companion of the Prophet, peace be upon him, said: "Let it not be that the day that you fast and the day that you break fast be equal." Meaning, one's behaviour, attitude and outlook are the same whether one fasts or not, i.e. fasting has no effect upon that person. This is why we need to reflect on some of these lessons.

LESSON 1: Gaining Taqwa

Allaah legislated fasting for gaining taqwa, "O you who believe, fasting has been prescribed upon you as it has been prescribed upon those before you, so that you may attain taqwa." (meaning of Soraatul Baqarah (2):183) Taqwa in this case means to make a shield between oneself and Allaah's anger and Hellfire. So we should ask ourselves, when we break our fasts, Has this fasting day made us fear Allaah more? Has it resulted that we want to protect ourselves from the hellfire or not?

LESSON 2: Drawing closer to Allaah

This is achieved by reciting and reflecting on Al-Quraan during night and day, attending the taraaweeh prayers, remembering Allaah, sitting in circles of knowledge and, for those who can, making 'umrah. Also for those who can, making I'tikaaf (seclusion) in the last ten nights of Ramadaan, so as to leave all worldly pursuits and seclude oneself in a masjid just thinking of Allaah, so as to bring oneself closer to Allaah (SWT). When one sins, one feels distant from Allaah. That is why one might find it hard to read the Quraan and come to the masjid. However, the obedient worshipper feels closer to Allaah and wants to worship Allaah more, because he is not shy from his sins.

LESSON 3: Acquiring patience and strong will

Allaah has mentioned patience more than seventy times in the Quraan and has commanded patience in more than sixteen ways in His Book. So when one fasts, and gives up ones food and drink, and ones marital sexual relations for those hours, one learns restraint and patience. This Ummah needs men and women that are strong willed, who can stand upon the Sunnah and the Book of Allah and not waver in front of the enemies of Allaah. We do not need emotional people, who just raise slogans and shout, but when the time comes to stand upon something firm, they cannot do so, they waver.

LESSON 4: Striving for Ihsaan (righteousness and sincerity) and staying away from riyaa (showing off)

Ihsaan means to worship Allaah as if one seeks Him, and even though one does not see Him, He sees all. Hasan al-Basree said, "By Allaah, in the last twenty years, I have not said a word or taken something with my hand or refrained to take something with my hand or stepped forth or stepped back, except that I have thought before I have done any action, Does Allaah love this action? Is Allaah pleased with this action?" So when one is fasting, one should gain this quality of watching oneself and also staying away from riyaa (showing off). That is why Allah said in a hadeeth qudsi, "Fasting is for Me and I reward it." (al-Bukhaaree) Allaah singles out fasting from all other types of worship saying, "Fasting is for Me", because no one knows whether you are fasting or not, except Allaah. For example, when one is praying or giving charity or making tawaaf, one can be seen by the people, so one might do the action seeking the praise of the people. Sufyaan ath-Thawree used to spend the nights and the days crying and the people used to ask him, "Why do you cry, is it due to the fear of Allaah? He said, No. They said, "Is it due to the fear of the Hellfire?" He said, No. It is not the fear of Hellfire that makes me cry, what makes me cry is that I have been worshipping Allaah all these years and doing scholarly teaching, and I am not certain that my intentions are purely for Allaah.

LESSON 5: Refinement of manners, especially those related to truthfulness and discharging trusts.

The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) said, "Whoever does not abandon falsehood in word and action, then Allaah (SWT) has no need that he should have his food and drink." (al-Bukhaaree) What we learn from this, is that we must pay attention to the purification of our manners. The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) said, "was sent to perfect good manners." (Maalik) So we must check

THE PHILOSOPHY OF FASTING IN RAMADHAAN - THREE TYPES OF FAST

Imaam Ghazzaalee divides fast into three groups:

- (1) **Fast of the layman.** This is of a very inferior nature, for he refrains not, save from eating, drinking and sex relations.
- (2) **Fast of a comparatively "spiritually superior" person.** Such a person protects the eyes, tongue and ears as well, from unrighteous acts, such as mentioned in the above Tradition narrated by Hazrat Abu Hurairah (R.A.).
- (3) **Fast of those who have attained the highest spiritual order.** These are the Auleyaa Allah (i.e. the saints of Allah). They have the fullest control over their thoughts too. They are absorbed, soul, mind and body in the meditation of the Infinite Being and give not the slightest thought to their worldly affairs.

They have entrusted themselves, soul, mind and body into the hands of Allah. A mere thought of "Ghairullaah" (i.e. anything besides Allah), though permissible in Shara, is liable to break their fast. Thus this type of fast is the most superior of all.

May Allaah grant us all this spiritual stage, by the dint of His infinite mercy and absorb us in His Infinite Being, soul, mind and body, Ameen. by Ali Al-Timimi

ourselves, are we following the behaviour of the Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him)? For example: Do we give salaam to those we dont know and those we do know? Do we follow the manners of Islaam, by telling the truth and only telling the truth? Are we sincere? Are we merciful to the creation?

LESSON 6: Recognizing that one can change for the better

The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) said, "Every son of Adam sins and the best of the sinners are those who repent." (Ibn Maajah) Allaah provides many opportunities to repent to Him and seek His forgiveness. If one was disobedient they can become obedient.

LESSON 7: Being more charitable

Ibn 'Abaas said, "The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) was the most charitable amongst the people, and he used to be more so in the month of Ramadaan when Jibreel used to meet him on every night of Ramadaan till the end of the month" (al-Bukhaaree) The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) said, "He who gives food for a fasting person to break his fast, he will receive the same reward as him, without nothing being reduced from the fasting persons reward." (at-Tirmidhee)

LESSON 8: Sensing the unity of the Muslims

The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) said, " Those of you who will live after me will see many differences. Then you must cling to my Sunnah and the Sunnah of the rightly guided khaleefahs. Hold fast to it and stick to it." (Abou Daawood) In this month we sense that there is a possibility for unity, because we all fast together, we break fast together, we all worship Allah together, and we pray Salaatul-Eid together. Therefore we sense that the unity of Muslims is possible. It is possible for Muslims to be a single body, but this will only be achieved when obedience is only to Allaah and His Messenger.

LESSON 9: Learning discipline

The Prophet (ma Allaah send His blessing and peace upon him) made us adhere to discipline and strictness, strictness that does not lead to fanaticism or going outside the bounds that Allaah has laid down. One cannot knowingly break the fast before the sunset, as this will not be accepted by Allaah. Muslims should learn to be very strict in their lives, because they are people of an important message, which they mold their lives around.

LESSON 10: Teaching the young to worship Allaah

It was the practice of the people of Madeenah, that during the fast of 'Aashooraa (which is now a recommended fast of one day) to get their children to fast with them. When the children would cry of hunger and thirst, their parents would distract their attention by giving them some sort of toy to play with. The children would break their fast with their parents. (as mentioned in al-Bukhaaree).

So the young should be brought to the masjid and they should pray with their parents, so that they are able to get into the habit of becoming worshippers of Allaah. If one does not encourage children to fast when they are young, they will find it very difficult to fast for thirty days at the age of puberty. This is why the Prophet (may Allah send His blessing and peace upon him) said, "Command your children to pray at the age of seven and beat them at the age of ten (if they do not pray)." (Haakim)

LESSON 11: Caring for ones health

Fasting has many medical benefits and it teaches Muslims to take care of their health and too build strong bodies. The Prophet (may Allaah send His blessing and peace upon him) said, "A strong believer is better and is more beloved to Allaah than a weak believer, and there is good in everyone." (Muslim)

Petikan Al-Quran/Hadith

"Wahai orang-orang yang beriman, kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa." - Al-Baqarah : Ayat 183

"Barangsiapa memberikan seseorang yang berpuasa akan air sebagai minuman, Allah SWT akan membenarkannya untuk minum dari telagaku, sekali minum yang selepas meminumnya dia tidak akan merasa dahaga sehingga dia masuk ke dalam Syurga"

- Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah

dari muka 2 - Amalan Di Bulan Ramadhan

Jadual Tazkirah Ramadan Di Surau Al-Ulum KD9

Tarikh	Malam	Penceramah
23.09.2006	01 Ramadan	Ust Mohd Fauza Mohd Ali
24.09.2006	02 Ramadan	Dr Hasan Ali (AKRAB)
25.09.2006	03 Ramadan	Ust Ramadan (UIA)
26.09.2006	04 Ramadan	Ust Kasyfun Nazir
27.09.2006	05 Ramadan	Ust Riduan Md.Nor/jemputan
28.09.2006	06 Ramadan	Ust Abdullah Osman Iraqi
29.09.2006	07 Ramadan	Ust Riduan Md.Nor/jemputan
30.09.2006	08 Ramadan	Ust Nik Radzi Nik Mat
01.10.2006	09 Ramadan	Ust Muhadir Joll (UIA)
02.10.2006	10 Ramadan	Ust Nizam Kamaruzaman
03.10.2006	11 Ramadan	Ust Mazlan Khamis
04.10.2006	12 Ramadan	Ust Kamal Mahdi
05.10.2006	13 Ramadan	YAASIN / TAHLIL
06.10.2006	14 Ramadan	Ust Azizi Mat Yaakob
07.10.2006	15 Ramadan	Ust Syed Mohd Nazli Ahmad
08.10.2006	16 Ramadan	Ust Riduan Md.Nor/jemputan
09.10.2006	17 Ramadan	Ust Malek (JAWI)
10.10.2006	18 Ramadan	Ust Hamzah
11.10.2006	19 Ramadan	Ust Riduan Md.Nor/jemputan
12.10.2006	20 Ramadan	YAASIN / TAHLIL
13.10.2006	21 Ramadan	Ust Khairuzaman (Rawang)
14.10.2006	22 Ramadan	Ust Abd Wahab Ali (Indonesia)
15.10.2006	23 Ramadan	Ust Mohd Yusof Senik
16.10.2006	24 Ramadan	Ust Halim Din (PZS)
17.10.2006	25 Ramadan	Ust Riduan Md.Nor/jemputan
18.10.2006	26 Ramadan	Ust Riduan Md.Nor/jemputan
19.10.2006	27 Ramadan	YAASIN / TAHLIL
20.10.2006	28 Ramadan	Ust Long Kechik

Jadual di atas adalah tertakluk kepada perubahan. Untuk jadual lengkap (termasuk jadual kuliah subuh) terkini, sila lihat di papanots Surau Al-Ulum KD9

sambungan dari muka 1 - Zakat Fitrah jangan lupa.....

Ramadan, tidak wajib dikeluarkan Zakat Fitrahnya kerana ia tidak mendapat suku Ramadan. Kesimpulannya, mereka yang wajib dikeluarkan Zakat Fitrahnya ialah mereka yang hidup dalam bulan Ramadan dan awal atau satu suku bulan Syawwal.

Zakat Fitrah yang wajib dikeluarkan merupakan makanan asas yang mengenyangkan, yang biasa dimakan oleh penduduk dalam sesebuah negara iaitu beras bagi negara kita. Banyaknya ialah satu gantang Baghdad yang bersamaan 2.7 kilogram. Tujuan utamanya ialah agar fakir miskin yang menerimanya dapat bersama-sama menikmati kemeriahan menyambut Hari Raya tanpa ada yang lapar. Walau bagaimana pun bagi kemudahan semua pihak, Zakat Fitrah dengan beras itu diharuskan diganti dengan wang tunai. Dengan yang demikian para amil yang telah dilantik oleh Pemerintah itu mudahlah pula membahagikan wang tersebut kepada mereka yang berhak dalam satu-satu qaryah. Lazimnya para amil telah memastikan terlebih dahulu nama-nama orang fakir, miskin, muallaf dan lain-lain yang berhak (lapan asnaf). Zakat Fitrah itu dikumpulkan dan kemudiannya dibahagikan sama kepada mereka.

Zakat Fitrah itu hendaklah diberikan sebaik-baiknya kepada Amil dikawasan tempat tinggal menetap masing-masing. Oleh itu, jika anda hendak balik kampung menyambut Hari Raya disana, hendaklah tunaikan lebih dahulu Zakat Fitrah ditempat anda tinggal menetap. Hikmahnya ialah supaya Zakat Fitrah ditempat anda dinikmati oleh fakir miskin ditempat anda tinggal, dan dengan demikian dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan Islam disekitar anda.

Kadar Zakat Fitrah bagi Negeri Selangor pada tahun ini adalah sebanyak RM4.50 seorang. Bayaran bolehlah dibuat melalui Amil Tn Hj Mohd Ali Mungai - Seksyen 9, Kota Damansara.

4

4. Beriktikaf 10 Hari Terakhir Ramadhan

Dari Aisyah ia berkata: "Adalah Nabi SAW beriktikaf pada sepuluh hari terakhir dalam bulan Ramadhan sampai Allah SWT mewafatkan baginda, kemudian isteri-isteri baginda beriktikaf sesudah itu." (HR. Bukhari Muslim)

Yang dimaksud dengan beriktikaf ialah tinggal menyendiri di dalam masjid untuk melakukan ibadah selama sepuluh hari akhir bulan Ramadhan tanpa keluar, kecuali kerana keperluan yang mendesak.

5. Memperbanyak Amal dan Sedekah

Amal kebajikan seperti membaca Al-Quran, berdo'a, berzikir atau mengajarkan agama, jika dilakukan bertepatan dengan Lailatul Qadar maka Allah akan berikan pahala sama dengan pahala orang yang melakukan amal tersebut selama seribu bulan.

Oleh kerana itu hendaklah pada malam atau siang hari bulan Ramadhan ini kita memperbanyak amal sunnah. Begitu juga kalau kita mampu hendaklah memperbanyak sedekah kepada fakir miskin.

6. Memperbanyak Istighfar Pada 10 Malam Terakhir

Rasulullah SAW bersabda, ertinya: "Pada bulan Ramadhan umatku diberi lima perkara yang tidak pernah diberikan kepada seorang nabi pun sebelumnya."

Pertama, iaitu bila datang awal malam Ramadhan, Allah Azza Wajalla melihat mereka. Barangsiapa dilihat oleh Allah maka selamanya dia tidak akan disentuh oleh azab.

Kedua, bau mulut mereka pada petang hari di sisi Allah lebih harum dari bau minyak kasturi.

Ketiga, para malaikat memohonkan ampunan bagi mereka setiap siang dan malam."

Keempat Allah Azza Wajalla menyuruh syurganya dengan berfirman maksudnya: "Bersiap-siaplah dan hisillah dirimu untuk hamba-hambaKu. Kamu sekalian telah dekat saat beristirahat dari kelelahan hidup di dunia dan kembali ke kampungKu dan rahmatKu."

Kelima apabila telah tiba akhir malam (Ramadhan), Allah mengampunkan dosa-dosa mereka semua." (HR. Ahmad dan Baihaqi).

7. Memperbanyak Tadarus Al-Quran

Dari Ibn Abbas berkata: "Adalah Nabi SAW orang yang sangat dermawan dan lebih besar lagi kedermawanannya bila berada pada bulan Ramadhan, kerana Jibril biasa menemui baginda pada setiap malam Ramadhan sampai habis bulan. Rasulullah SAW menghadirkan Al-Quran kepadanya dan ketika Jibril menemuinya, baginda sangat besar kedermawanannya, sehingga melebihi angin yang bertuip." (HR. Bukhari)

Maksud hadith di atas ialah, pada setiap malam bulan Ramadhan Jibril berkunjung kepada Rasulullah SA W. Pada saat itu Rasulullah SAW menghadirkan Al-Quran untuk dibaca di hadapan Jibril.

8. Membaca Doa Ketika Bertemu Lailatul Qadar

Rasulullah SAW mengajarkan kepada Aisyah supaya berdo'a apabila bertemu dengan Lailatul Qadar. Doa tersebut bermaksud, "Ya Allah, sesungguhnya Engkau lah yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engkau suka mengampun, maka ampunilah aku." Wallahualam.

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri. sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan - Biro Penerbitan & Penerangan

Berita Ringkas Surau Al Ulum KD9



Sumbangan Program Pengimarah Bulan Ramadhan - Pihak Jawatan-kuasa Surau Al-Ulum ingin memberi peluang kepada ahli kariah untuk bersama-sama terlibat dalam usaha pengimarah surau kita sepanjang bulan Ramadhan 1427 ini. YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dijemput membantu dalam menaja penceramah-penceramah penceramah untuk program tazkirah selepas Solat Terawih ATAU penceramah Kuliah Suboh ATAU menaja 'moreh' selepas majlis tazkirah ATAU menaja sahur selepas Qiamullail. Tajaan boleh dibuat secara individu atau berkumpulan dengan menghubungi Dr. Hj. Ismadi Ishak (012-235 2141) atau Sdr Zainal Abdul Razak (019-273 8578). Sumbangan dalam bentuk lain juga amat dialu-alukan. Semuga Ramadan kali ini akan lebih meriah lagi dan kita semua sentiasa di dalam rahmat Allah.

Bacaan Tahliil Arwah - Sepanjang bulan Ramadhan ini Surau Al-Ulum KD9 mengadakan majlis tahliil arwah sebelum solat Tarawih bertujuan untuk pengimarah surau serta memberi peluang kepada semua untuk memberikan sedekah kepada arwah mereka yang dikasihi. Tuan/puan yang berhajat sila majukan borang permohonan berserta sumbangan ikhlas kepada mana-mana AJK Surau.